



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media

Unit Komunikasi Korporat

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / UHEAA - SM / 04

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
@THE EDITOR
The Star

Park keepers ruin group's day out

Kami merujuk kepada surat pengadu iaitu *Siti Aisyah Abdul Rahman, Pandan Indah Kuala Lumpur* di ruangan @ THE EDITOR bertarikh 21 Mei 2009 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Merujuk kepada Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan) 1981, Perkara 3(o): *Seseorang yang di dalam sesuatu taman yang memasang api atau membakar api atau mercun atau menembak tanpa kebenaran yang sah apa-apa senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu adalah bersalah atas suatu kesalahan.*

Pihak DBKL tiada sebarang halangan sekiranya orang awam ingin menjalankan sebarang aktiviti di taman-taman awam. Walaubagaimanapun, orang awam perlu mendapat kelulusan daripada DBKL terlebih dahulu. Orang awam yang berminat untuk menjalankan sebarang aktiviti di taman-taman awam DBKL, boleh memohon ke :

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar
Menara DBKL III,
Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah,
50300 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2617 6387
Faks : 03-2698 3850

DBKL akan menambah papan tanda larangan, peraturan-peraturan dan syarat-syarat penggunaan taman di taman-taman awam sebagai makluman kepada orang awam.

Pihak DBKL memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku terhadap pengadu.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN
Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
22 Mei 2009
27 Jamadilawal 1430H

-Tamat-